

23 JUN 1999

Hamid-Hina

BEKAS KETUA HAKIM NEGARA BERI PANDANGAN MENGENAI KES HINA MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Seorang tidak melakukan penghinaan kepada mahkamah jika bercakap tentang orang lain mengenai perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan kes yang dihadapi oleh orang itu di mahkamah, menurut bekas Ketua Hakim Negara Tun Hamid Omar.

"Jika seseorang membuat komen tetapi tidak berkaitan dengan kes, saya berpendapat ia tidak menghina mahkamah. Kita perlu memperseimbangannya dengan kebebasan bercakap," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan laman web Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia

Beliau berkata Perlembagaan Persekutuan menjamin bahawa satu daripada hak fundamental seseorang ialah kebebasan bersuara.

Beliau berkata sesuatu komen yang dibuat itu menyentuh kelemahan dan kekuatan mahkamah, maka barulah ia dianggap menghina mahkamah.

Hamid diminta mengulas sama ada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menghina mahkamah apabila ucapannya pada Perhimpunan Agung Umno minggu lepas menyentuh bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketika ditanya lagi sama ada Dr Mahathir telah menghina mahkamah, Hamid berkata: "Saya berpendapat soalan itu mudah tetapi sukar dijawab kerana penghinaan mahkamah ialah perkara yang menyentuh aspek teknikal. Anda perlu memperseimbangkan semua aspek sebelum menyuarakan pandangan mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, Hamid menarik perhatian bahawa membuat kritikan secara langsung terhadap mahkamah dan semasa proses rayuan dianggap sebagai menghina mahkamah.

"Tetapi jika seseorang berkata sesuatu, mungkin mengenai Anwar tetapi tentang perkara yang tidak berkaitan dengan kes yang dihadapi di mahkamah, maka anda perlu memperseimbangannya dengan kebebasan bercakap.

"Seseorang mempunyai kebebasan itu yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Jadi, kedua-duanya perlua seimbang. Jika anda tidak langsung tidak boleh bersuara, tentu ada sesuatu yang tidak kena dengan hak fundamental yang dijamin di bawah Perlembagaan," kata beliau.

Dr Mahathir, ketika menarik perhatian kepada percubaan pasukan peguambela Anwar untuk memenjarakannya kerana menghina mahkamah menegaskan bahawa beliau tidak menghina mahkamah apabila bercakap mengenai salahlaku Anwar ketika berucap pada Perhimpunan Agung Umno.

Anwar, yang sedang menjalani hukuman penjara enam tahun selepas sabit kesalahan kerana rasuah kini menghadapi tuduhan liwat.

-- BERNAMA

NZ ZUE AU RYN FAZ